

PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI PENDIDIKAN
EDUCATIONAL OPERATION SECTOR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 4 BLOK E2, KOMPLEKS E
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302
Faks : +603-8888 6680
Website : <http://www.moe.gov.my/>



Ruj. Kami : KPM.100 12/2/13112)
Tarikh : 19 Julai 2019
16 Zulkaedah 1440H

Timbalan Dekan
(Penyelidikan, Inovasi dan Libatsama Industri-Komuniti)
Pusat Pengajian Sains Fizik
Universiti Sains Malaysia
11800 Pulau Pinang

YBrs. Prof. Madya Dr.,

KELULUSAN PERTANDINGAN ARITMETIK MENTAL DAN MATEMATIK MALAYSIA 2019

Dengan hormatnya surat daripada pihak YBrs. Prof. Madya Dr. mengenai perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat berbesar hati dan mengalu-alukan inisiatif dan perkongsian pintar bersama pihak agensi luar termasuk agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), syarikat korporat, pihak antarabangsa dan sebagainya dalam penganjuran program/aktiviti berunsurkan pendidikan melibatkan murid dan guru sekolah KPM. Usaha ini juga memberi ruang kepada pihak luar mengupayakan tanggungjawab sosial korporat (*Corporate Social Responsibilities*) mereka dalam membantu KPM mengoptimumkan potensi semua pihak yang terlibat dalam usaha pembangunan modal insan seperti yang dihasratkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

3. Sehubungan dengan itu, setelah meneliti surat permohonan tersebut, Kementerian ini **tiada halangan** memberi kelulusan penganjuran dan pelepasan kepada guru serta murid bagi menyertai pertandingan Aritmetik Mental dan Matematik Malaysia 2019. Pertandingan ini **terbuka** kepada murid sekolah-sekolah rendah Kementerian Pendidikan Malaysia.

4. Walau bagaimanapun, kepatuhan kepada dasar-dasar yang berkaitan yang sedang berkuatkuasa serta aspek kebajikan, keselamatan dan kesejahteraan murid hendaklah diutamakan sebagaimana berikut :

- i. Mendapat kebenaran daripada Pengetua/Guru Besar sekolah-sekolah yang terlibat;
- ii. Penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan murid yang terlibat dengan program ini;

- iii. Murid-murid dan guru serta pihak sekolah tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan program ini;
- iv. Persetujuan dan kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga murid yang menyertai program berkenaan;
- v. Penglibatan murid juga perlu diiringi oleh guru sekolah berkenaan;
- vi. Penglibatan guru dan murid dalam program ini tidak akan menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;
- vii. Pihak penganjur dimohon agar mengemukakan satu laporan program dalam tempoh 30 hari selepas pelaksanaan program tersebut manakala laporan penuh program (*soft copy*) mengikut format (seperti lampiran) sebelum berakhir tahun semasa; dan
- viii. Perlindungan insurans dan langkah-langkah keselamatan murid disediakan.

5. Kelulusan ini adalah hanya untuk pertandingan **Aritmetik Mental** dan **Matematik Malaysia 2019** dan tamat tempohnya pada 31 Disember 2019. Pengiktirafan kokurikulum mengikut peringkat pelaksanaan hanya akan dikemukakan setelah Bahagian ini menerima laporan penuh program. Pegawai Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia, Puan Norhayati Binti Mustafa di talian 03-8872 1625 / emel: hayati.mustafa@moe.gov.my, sedia membantu untuk memberikan penjelasan lanjut.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menandatangani amanah,


(DATO' MOHD JAMIL BIN MOHAMED)

Pengarah

Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

b/p Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran (Sektor Operasi Pendidikan)

Kementerian Pendidikan Malaysia

NM/nm

- s.k.
- 1. Pengarah Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia
 - 2. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri